



Rujukan: UKM PUU/84/2
Tarikh: Jamadilawal 1440 Hijrah
8 Februari 2019

PEKELILING PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG BIL. 2/2019

DEKAN/PENGARAH/KETUA
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Y.Bhg. Prof Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMANSUHAN PELAKSANAAN POLISI PENGURANGAN SECARA PRO-RATA KEPADA KAKITANGAN/BEKAS KAKITANGAN YANG DITUNTUT GANTIRUGI KERANA MELANGGAR SYARAT PERJANJIAN CUTI BELAJAR (PECAH KONTRAK) DENGAN PIHAK UNIVERSITI

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 7/2016 bertarikh 14 Julai 2016 telah bersetuju memansuhkan pelaksanaan polisi pengurangan secara pro-rata kepada bekas kakitangan/kakitangan yang dituntut gantirugi akibat pelanggaran terma-terma atau syarat-syarat perjanjian cuti belajar dengan pihak universiti berkuatkuasa **11 Februari 2016**.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan ketetapan dan pelaksanaan sebelum ini, rayuan untuk pengurangan jumlah tuntutan gantirugi secara prorata daripada kakitangan/bekas kakitangan yang dituntut gantirugi kerana melanggar terma-terma atau syarat-syarat perjanjian cuti belajar diberikan kelonggaran/pertimbangan oleh pihak Universiti dengan mengambilkira tempoh perkhidmatan yang telah diberikan selepas melapor diri dari cuti belajar tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

3. Berikutan dengan berkuatkuasanya keputusan pemansuhan ini dan bersesuaian dengan perjanjian yang telah dipersetujui, sebarang rayuan yang dikemukakan untuk pengurangan jumlah tuntutan gantirugi secara prorata selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan lagi dan tuntutan akan dibuat oleh pihak Universiti terhadap **keseluruhan jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh Universiti sepanjang tempoh bercuti belajar atau jumlah sepertimana yang dinyatakan dalam perjanjian cuti belajar**.

4. Sukacita diingatkan bahawa seseorang kakitangan/bekas kakitangan terdedah kepada tindakan mahkamah sekiranya ingkar atau gagal menjelaskan bayaran tuntutan gantirugi sepertimana yang telah ditetapkan. Oleh itu, pemansuhan pelaksanaan ini perlu diberi perhatian serius terutamanya bagi kakitangan yang berhasrat untuk meletak jawatan atau bersara pilihan (sekiranya masih ada tempoh ikatan kontrak perkhidmatan dengan Universiti) sebelum membuat keputusan bagi tujuan berkenaan. Ini kerana akibat dari kegagalan dan keingkaran membayar tuntutan gantirugi akan



MS ISO 9001:2015 Reg. No. : QMS 02549

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 5535/4179 Faksimili: +603-89214126 E-mel: muniroh@ukm.edu.my Laman web: <http://www.ukm.my>

memberi kesan jangka panjang dan bebanan kepada mereka berikutan jumlah tuntutan biasanya melibatkan jumlah yang tinggi.

5. Diharapkan pihak Y.Bhg. Prof Ulung/ Prof./ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil perhatian terhadap keputusan di atas dan mengingatkan kakitangan tentang pemansuhan polisi ini dan kesannya. Sekian, kerjasama Y.Bhg. Prof. Ulung/ Prof/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

“Celik Undang-Undang Ke Arah Insan Berhemah”

Yang benar,



PROF. MADYA DR. SALAWATI MAT BASIR
Timbalan Penasihat Undang-Undang
(Menjalankan Tugas Penasihat Undang-Undang)
Pejabat Penasihat Undang-Undang.

- s.k. > Naib Canselor.
> Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
> Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
> Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)
> Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)
> Pengarah Eksekutif Pentadbiran, Jabatan Pendaftar



MS ISO 9001:2015 Reg. No. : QMS 02549

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 5535/4179 Faksimili: +603-89214126 E-mel: muniroh@ukm.edu.my Laman web: <http://www.ukm.my>